



---

**KERJA-KERJA PENGOREKAN DI DERMAGA B01-B14, LB1-LB4, CJW DAN DB2, PELABUHAN BARAT, PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG.**

---

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah,

Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,  
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.

Tarikh : 16 October 2006.

---

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pengorekan laut (*maintenance dredging*) akan dijalankan Syarikat Intergrated MarineWorks di sekitar Dermaga B01-B14, LB1-LB4, CJW dan DB2, Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Pelabuhan Klang selama kira-kira 66 hari mulai dari 16 October 2006.

2. Vesel-vesel yang akan digunakan dalam projek itu adalah seperti berikut:-

- (i) Sebuah Kapal Korek dari jenis "*Grab Dredger*": **INAI MAWAR.**
- (ii) Sebuah Bot Tunda "*Steel Motor Tugboat*": **ALFA PERMAI.**
- (iii) Sebuah Barj dari jenis "*Split Hopper Barge*": **INAI ROSE.**

3. Semua vesel yang terlibat dalam projek itu akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Manakala bahan-bahan korekan pula akan dilupuskan di tapak pembuangan khas di Pelabuhan Klang, pada Garisan Lintang 02 53.52' Utara dan Garisan Bujur 101 09.00' Timur.

4. Selaras dengan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan projek dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**(SELVARAJU A/L MARUTHAMUTHU)**

b.p. Pegawai Pelabuhan,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah,  
Pelabuhan Klang.